

ISU

Beretika ketika menghisap vape

PERKEMBANGAN teknologi yang pesat pada saban hari telah membawa transformasi yang tidak kurang hebatnya dalam masyarakat, baik dari segi intelek mahupun sosial.

Rata-rata individu hari ini pastinya memiliki sekurang-kurangnya satu akaun laman sosial manakala lebih 80 peratus anak muda termasuk pelajar sekolah mempunyai telefon pintar yang digunakan untuk tujuan itu.

Selain itu, peranan media cetak dan elektronik yang sering memaparkan perkembangan dan gaya terkini membuatkan orang ramai tidak mahu melepaskan peluang untuk mengikutinya. Namun, sejauh mana kesedaran dan etika yang diamalkan oleh ahli masyarakat



MENGHISAP vape boleh mendatangkan bahaya jika perisanya mengandungi ganja. – Gambar hiasan

Kosmo

24/11/2015

ms 24 (K2)

kepada pelajar sekolah untuk menggunakannya.

“Apa yang paling saya kesalkan ialah kesedaran mereka tentang orang sekeliling. Akibat terlalu mengikut gaya semasa, mereka mengabaikan orang awam yang akan terkesan dengan perbuatan itu.

“Dalam hal ini, peranan ibu bapa dan guru amat diperlukan bagi menegur sikap mereka. Pembekal rokok elektronik dan perisa nikotin juga bertanggungjawab menapis sasaran pembeli iaitu dengan tidak menjual peralatan itu kepada kumpulan minoriti bawah umur,” jelasnya.

Kesedaran sivik

Dalam pada itu, seorang penuntut Sarjana Kesusasteraan Bahasa Inggeris dari

dalam menghargai arus perkembangan semasa?

Terbaharu, penularan gejala rokok elektronik yang dikatakan mampu menjadi penawar kepada ketagihan merokok.

Berbekalkan tiket tidak mahu digelar kolot kerana tidak mengikuti perkembangan semasa, orang ramai tidak melepaskan peluang untuk menyedut asap buatan yang boleh didapati dalam pelbagai pilihan perisa itu.

Penyakit respiratori

Penggemar rokok alternatif itu, baik lelaki atau wanita, sanggup ikat perut untuk membeli seunit vape yang boleh didapati pada harga serendah RM90 manakala sebotol perisa pula berharga di antara RM15 hingga RM30 bergantung pada jenis dan jenama.

Namun apa yang dikesalkan ialah tingkat keprihatinan mereka terhadap orang di sekeliling.

Sewajarnya mereka perlu lebih menitikberatkan keadaan persekitaran serta memastikan bahawa tiada golongan minoriti seperti kanak-kanak, ibu mengandung atau orang berpenyakit respiratori kronik dalam jarak dekat sewaktu menghisap rokok elektronik.

Penyakit respiratori berlaku apabila asap rokok masuk

ke dalam paru-paru dan mengganggu sistem pernafasan. Antara penyakit respiratori yang sering dilaporkan termasuklah lelah, radang paru-paru (pneumonia) dan bronkitis. Jika terdedah terlalu lama pada asap bebas, kemungkinan penghisap rokok elektrik serta orang sekeliling (perokok pasif) mendapat kanser atau penyakit jantung adalah tinggi.

Benar, kajian telah membuktikan bahawa kandungan nikotin yang terdapat dalam vape adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan rokok biasa. Asap yang dihembus pula merupakan wap air yang dibakar dan bukannya tembakau atau arang seperti yang didapati dalam rokok dan shisha.

Namun itu bukanlah jaminan yang kukuh bagi menafikan akibatnya terhadap kesihatan yang mungkin ditanggung oleh penghisap rokok pasif ini.

Menurut **Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan**, penghisap rokok elektronik seharusnya bersikap lebih peka dengan orang sekeliling.

“Sewajarnya mereka mengambil pendekatan untuk menjadi lebih bertimbang rasa dengan tidak menghembuskan

asap tersebut ke kawasan yang berdekatan dengan orang lain yang tidak menghisapnya, apatah lagi jika terdapat kanak-kanak dalam kumpulan tersebut.

“Hal ini penting kerana selain dapat mengelakkan kanak-kanak tersebut terpengaruh dengan perbuatan tidak sopan tersebut, ia juga dapat meningkatkan kualiti udara di tempat awam,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Terdahulu, kerajaan telah mengemukakan usul untuk mengharamkan penggunaan rokok elektronik bagi mengurangkan risiko masalah kesihatan masyarakat di negara ini.

Namun pada 30 Oktober lalu, penghisap rokok elektronik boleh tersenyum kembali apabila mesyuarat Kabinet memutuskan untuk tidak mengharamkan penggunaannya.

Nadzim turut mengulas mengenai kesan penularan rokok elektronik dalam kalangan pelajar sekolah.

“Kita dapat lihat semakin ramai pelajar sekolah yang tanpa segan-silu menghembus asap daripada rokok elektronik ini di tempat awam sedangkan secara teori, fungsinya masih sama seperti rokok biasa dan menjadi satu kesalahan

Bahasa Inggeris dari Universiti Putra Malaysia (UPM), **Nur Fatim Syuhada Ahmad Jafni**, 24, berkata, asap rokok elektronik yang dihembus bebas di udara sering menyebabkannya mengalami kesukaran bernafas apabila berada di tempat awam.

“Sebagai seorang pelajar, saya sering makan di tempat terbuka namun sikap pelajar lain yang menghembus asap rokok elektronik secara bebas di udara menyebabkan saya sesak nafas kerana saya mempunyai sakit asma,” ujarnya.

Justeru, kesedaran sivik yang jitu perlu diamalkan oleh penghisap rokok elektronik bagi memastikan ia tidak menjejaskan orang lain serta tidak menjejaskan kualiti udara secara amnya.

Dalam perkembangan lain, Malaysia kini merupakan negara industri rokok elektronik kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat.

Nikotin yang terkandung dalam cecair berperisa akan menghasilkan wap air. Wap air yang terhasil merupakan agen pembawa nikotin masuk ke dalam paru-paru.

Kemudian ia masuk ke dalam salur darah dan akhirnya akan menerbitkan kepuasan dalam diri perokok apabila nikotin itu mula bertindak balas.



NADZIM



NUR FATIM SYUHADA